
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PGA 103 - Guru, Sekolah dan Masyarakat

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Selepas Perang Dunia Kedua, pelbagai laporan pendidikan telah digubal supaya sistem dan struktur pendidikan Tanah Melayu dapat diselaraskan.
 - a) Berdasarkan kenyataan di atas terangkan **TIGA (3)** sebab Laporan Cheeseman (1951), Laporan Barnes (1951) dan Laporan Fenn Wu (1955) tidak diterima oleh penduduk Tanah Melayu.

(10 markah)
 - b) Terangkan **EMPAT (4)** pembaharuan yang telah dilaksanakan oleh Laporan Razak (1956) dalam perkembangan pendidikan Tanah Melayu.

(15 markah)
2. Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal untuk perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.
 - a) Terangkan **LIMA (5)** unsur dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membentuk individu yang menyeluruh dan bersepadu.

(10 markah)
 - b) Huraikan **LIMA (5)** implikasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan terhadap kurikulum.

(15 markah)
3.
 - a) Terangkan **TIGA (3)** peranan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam meningkatkan mutu pendidikan di Malaysia.

(10 markah)
 - b) Huraikan **EMPAT (4)** kepentingan Akta Pendidikan 1996 dalam perkembangan sistem pendidikan negara.

(15 markah)

4. Wawasan Kementerian Pelajaran Malaysia ialah untuk melahirkan insan yang cemerlang.
- a) Berdasarkan kenyataan di atas terangkan **TIGA (3)** peranan guru dalam melahirkan insan yang cemerlang.
(10 markah)
 - b) Huraikan **EMPAT (4)** langkah Kementerian Pelajaran menyediakan individu untuk keperluan sumber manusia.
(15 markah)
5. Buat catatan ringkas tentang perkara-perkara berikut:
- a) Peranan sekolah sebagai satu institusi sosial
(9 markah)
 - b) Laporan Keciciran Murad (1972)
(8 markah)
 - c) Tujuan Pendidikan Tinggi Swasta di Malaysia
(8 markah)